

Thai setuju buka pintu

Mn. M. 22 AUG 1993

Daripada ROZAID ABD. RAHMAN
dan ASTORA JB

BANGKOK 21 Ogos - Thailand telah bersejua untuk membuka pintunya kepada kemasukan kereta nasional Proton, kata Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut beliau, persetujuan awal yang dicapai di antaranya dengan Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai ialah kemungkinan Proton menggunakan beberapa komponen yang dikeluarkan oleh negara ini.

"Jika perbincangan seterusnya berjaya, bermakna kereta Proton yang akan dieksport ke Thailand akan menjadi kereta yang dihasilkan atas usaha sama Malaysia-Thai," katanya pada sidang akhbar di Hotel Oriental di akhir lawatan tiga harinya ke sini.

Sejurus selepas sidang akhbar itu, Chuan bertemu dengan Dr. Mahathir selama lebih kurang 15 minit untuk mengucapkan selamat jalan.

Dr. Mahathir kemudiannya berlepas ke Pulau Samui untuk meninjau industri pelancongan di sana. Pulau Samui atau lebih dikenali sebagai Ko Samui adalah salah sebuah daripada 10 buah pulau yang tercantik di dunia.

Perdana Menteri berkata, rakan sejawatannya telah mengucapkan tahniah di atas kejayaan Proton dan bersedia untuk membuka pintu negaranya kepada kemasukan Proton.

Katanya, Thailand menyambut baik cadangan untuk menjual Proton ke

sini tetapi menambah, ia akan menjadi lebih bermakna jika kereta nasional itu dapat dipasang di Thailand.

Perlu timbang

Ini kerana, cukai ke atas kereta import (tanpa dipasang di negara ini) agak tinggi.

"Jadi jika kita ingin menjadi lebih kompetitif, kita perlulah menimbang sama ada wajar untuk memasang Proton di Thailand," kata Dr. Mahathir.

Di kalangan negara-negara ASEAN, Proton su-

dah pun dipasarkan di Singapura dan Brunei. Hasil pertemuan Mahathir dan Presiden Suharto di Langkawi baru-baru ini, Indonesia juga memberikan persetujuan kepada Malaysia untuk memasarkan Proton di negara itu.

Mengenai cadangan untuk mengimport beberapa komponen kereta dari Thailand, Perdana Menteri berkata, perkara itu juga turut dibincangkan dan Malaysia tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengadakan kerjasama dalam bidang berkenaan. — *Utusan*.